

## PENGAYAAN KOSA KATA | PEMANTAPAN PENULISAN KARANGAN

mengecutkan perut	menimbulkan kemudaran	mengeksplotasi orang lain	jalan keluar
mengangkat harga diri	tingkah laku agresif	melemparkan sindiran	kekurangan sifat empati

Baca ayat-ayat yang di bawah dengan telitinya, kemudian isikan tempat kosong dengan rangkai kata yang sesuai sekali.

1. Pelbagai wacana turut diadakan bagi mencari \_\_\_\_\_ yang berkesan untuk membendung gejala buli, namun tiada sebarang petanda gejala ini akan reda dan berakhir.
2. Sekolah yang berperanan sebagai tempat perlindungan selamat untuk pelajar dan bebas daripada persekitaran yang \_\_\_\_\_ dengan mementingkan suasana yang aman dan mesra.
3. Para ahli psikologi menyatakan bahawa buli merupakan suatu bentuk \_\_\_\_\_ seseorang yang ditunjukkan secara sengaja dan berulang kali yang menyebabkan kecederaan atau menimbulkan ketidakselesaan kepada orang lain.
4. Pada era dunia digital yang semakin berkembang pesat, gejala buli turut berlaku secara meluas. Kesannya, gejala buli siber yang merujuk penyalahgunaan teknologi digital sehingga \_\_\_\_\_ kepada orang lain.
5. Untuk menutup kelemahan diri, pembuli akan menggunakan kebolehan mereka untuk \_\_\_\_\_ agar mereka mendapat perhatian dan penghargaan untuk meningkatkan harga diri.
6. Walaupun buli menarik perhatian yang negatif, namun pada pandangan pembuli, tingkah laku buli tetap mendapat perhatian yang secara tidak langsung akan \_\_\_\_\_ pembuli untuk diterima dalam kalangan kelompok mereka.
7. Pelajar yang kurang mempunyai sifat empati juga berpotensi mempunyai tingkah laku buli. kerana \_\_\_\_\_ menyebabkan mereka tidak dapat mengetahui cara untuk memahami atau tidak mahu memahami perasaan seseorang.
8. Terdapat pelajar yang suka membuat tindakan yang kasar atau \_\_\_\_\_ yang keterlaluan dengan menyatakan bahawa mereka hanya bergurau dan ingin memeriahkan suasana di dalam bilik darjah atau sebagainya.